

PERBANDINGAN FAKTOR RISIKO REMAJA DAN BELIA TERLIBAT
DENGAN PENYALAHGUNAAN BAHAN DI PONTIAN JOHOR

FARAH ADIBAH BINTI IBRAHIM

Tesis ini dihantar untuk dikemukakan untuk penganugerahan
Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

JUNE 2013

Untuk mama dan papa yang tercinta

PENGHARGAAN

Alhamdulillah'hi Rabb al-A'lamin. Setinggi kesyukutan dirafa'kan ke hadrat Illahi atas limpah dan kurnia, petunjuk dan hidayahNya. Selawat dan salam buat junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga dan para sahabat Baginda, para pencinta Islam, seterusnya Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah s.w.t. Setinggi pernghargaan diberikan kepada penyelia, Prof Madya Dr Sharif Bin Haji Mustaffa atas tunjuk ajar, bimbingan, bantuan dan galakan yang diberikan sepanjang proses penyeliaan saya. Juga ribuan terima kasih kepada pensyarah Fakulti Pendidikan yang terlibat sama ada seara langsung ataupun tidak langsung dalam melancarkan kajian penyelidikan ini..

Jutaan terima kasih juga kepada Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) yang memberikan peluang kepada saya untuk menjalankan penyelidikan serta bantuan dan sokongan yang diberikan sepanjang penyelidikan dijalankan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam membantu pelaksanaan kajian penyelidikan untuk berjalan dengan lancar.

Ucapan terima kasih juga ditujukan khas kepada ibu, Puan Puspa Binti Rosdi serta kelurga diatas restu dan sokongan serta kata-kata semangat yang diberikan sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Segala dorongan dan sokongan yang diberikan akan sentiasa dikenang.

Terakhir, terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan sepengajian sesi 2011/2012 kursus Bimbingan dan Kaunseling yang sentiasa membantu dan memberikan sokongan ketika diperlukan. Terima kasih sahabat.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perbandingan faktor risiko remaja dan belia terlibat dengan penyalahgunaan bahan di daerah Pontian Johor. Dalam kajian ini faktor risiko yang telah dibahagikan kepada dua iaitu dalaman (internal) dan luaran (eksternal) telah dikenal pasti kepada responden seramai 47 orang lelaki yang pernah terlibat dalam menyalahgunakan bahan. Objektif kajian ialah untuk mengenalpasti faktor risiko yang merangkumi demografi, rohani, personaliti, pengetahuan, tingkah laku, emosi, keluarga, rakan sebaya, komuniti dan akhir sekali tempat tinggal yang mempengaruhi remaja dan belia terlibat dengan penyalahgunaan bahan. Data kajian diambil di Caring Community House (CCH) Pontian yang dibawah seliaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Data kajian dianalisis menggunakan Analisis Diskriptif dan Analisis Inferensi antaranya ANOVA sehala dan Regresi. Hasil kajian bagi persoalan pertama menunjukkan taburan demografi yang paling tinggi bagi pekerjaan ialah buruh am dan bagi tahap pendidikan pula ialah UPSR. Latarbelakang diri majoritinya ialah berstatus bujang, juga latarbelakang ibu bapa majoritinya juga masih bersama. Demografi penyalahgunaan bahan pula menunjukkan ganja sebagai bahan dadah yang paling banyak disalahguna. Bagi persoalan kedua yang melihat faktor demografi yang dominan mendapati bahawa bagi faktor pendidikan merupakan faktor yang dominan bagi faktor risiko internal. Bagi faktor risiko eksternal pula, tiada faktor demografi yang signifikan atau dominan dikenal pasti. Hasil dapatan bagi persoalan ketiga ini menunjukkan faktor tahap pendidikan memberikan perbezaan yang signifikan terhadap peningkatan atau penurunan faktor risiko internal dan eksternal. Persoalan keempat mengkaji faktor risiko yang dominan di dalam faktor risiko internal dan eksternal itu sendiri. Dapatan kajian persoalan keempat ini mendapati bahawa tiada faktor risiko internal dan eksternal signifikan dominan yang mempengaruhi penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja Pontian Johor. Implikasi kajian ini, boleh dijadikan sebagai panduan kepada pihak AADK dalam merancang dan menjalankan sesebuah program berbentuk pencegahan kepada golongan remaja dan belia. Cadangan kajian ini agar skop diperluaskan kepada keluarga, sekolah dan komuniti dalam meningkatkan kesedaran dan seterusnya membanteras penyalahgunaan bahan dalam kalangan generasi muda di Malaysia.

ABSTRACT

The purpose of this research is to compare the risk factor for adolescent and youth involved with substance abuse in Pontian Johor. In this study, the risk factors were divided into two categories which is internal and external factor. The instrument has been administered to 47 male adolescents and youths that have experienced in substance abuse. The objective of this research is to identify the risk factors that involve demographic, spiritual, personality, knowledge, behaviors, emotions, family, peers, community and lastly home environments factors that promote substance abuse. The data survey was taken from Caring Community House (CCH) Pontian, under Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) administration. The analysis used in this study involves descriptive and inferential analysis such as ANOVA and Regression. The results for the first hypothesis shows the highest descriptive analysis for jobs is laborer, and for education levels is UPSR. Self background showed that majority of the respondent is single and having married parents. For substance abuse, cannabis is showed as the most frequent drug the respondent used. The results for the first hypothesis shows the descriptive analysis involving mean and standard deviation for demographic factors such as occupational, family income, education background, marriage status, family status, and the type substance that the subject taken before. For second hypothesis, demographic factors that are dominant for internal risk factors is education factor, while for external factors, there is no significant or dominant factors can be determined. The third hypothesis shows that only educational factors have significant different for both internal and external risk factors. For the last hypothesis showed that there was no significant dominant dimension factor for internal and external risk factors. Implications for this study can be as guide for AADK to planning and create a prevention program for the youth populations. Also, by enhancing and strengthen the importance of the risk factors, the scope can be expand to family, school and community in order to create more awareness among younger generation Malaysia.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv

BAB I PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Penyataan Masalah	8
1.4	Matlamat Kajian	9
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Persoalan dan Hipotesis Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	11

1.8	Kerangka Konsep kajian	13
1.9	Skop Kajian	14
1.10	Batasan Kajian	15
1.11	Definisi Konseptual Dan Operasional	15
1.11.1	Faktor Risiko	15
1.11.2	Remaja	15
1.11.3	Penyalahgunaan Bahan/Dadah	16
1.11.4	Kawasan Luar Bandar	17
1.11.5	Faktor Internal	17
1.11.6	Faktor Eksternal	17
1.11.7	Rohani	18
1.11.8	Emosi	18
1.11.9	Tingkah Laku	19
1.11.10	Personaliti	19
1.11.11	Keluarga	20
1.11.12	Rakan Sebaya	20
1.11.13	Komuniti	21
1.11.14	Persekutuan Tempat Tinggal	21
1.12	Kesimpulan	22

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Kerangka Teori Kajian	24
2.2.1	Teori Problem Behavior	24
2.2.2	Teori Structural Family	25
2.4	Kajian Dalam Negara	27
2.4.1	Faktor Risiko Internal Remaja	27
2.4.2	Faktor Risiko Eksternal Remaja	31
2.5	Kajian Luar Negara	36
2.5.1	Faktor Risiko Internal Remaja	36
2.5.2	Faktor Risiko Eksternal Remaja	40
2.4	Kesimpulan	44

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	45
3.2	Rekabentuk Kajian	45
3.3	Kaedah Persampelan Kajian	48
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	48

3.5	Instrumen Kajian	49
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	52
3.7	Kaedah Penganalisisan Data	54
	3.7.1 Analisis Statistik Diskriptif	54
	3.7.2 Analisis Statistik Inferensi	55
3.8	Kesimpulan	56

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	57
4.2	Analisis Data Deskriptif	58
	4.2.1 Demografi Jenis Pekerjaan	58
	4.2.2 Demografi Pendidikan	60
	4.2.3 Demografi Pendapatan Keluarga	61
	4.2.4 Demografi Latar Belakang Diri	62
	4.2.5 Demografi Latar Belakang Ibu Bapa	63
	4.2.6 Demografi Penyalahgunaan Bahan	64
4.3	Analisis Data Inferensi	66
	4.3.1 Mengenalpasti faktor demografi yang dominan terhadap faktor risiko (internal dan eksternal) bagi remaja dan belia	66

yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di daerah Pontian Johor.	
4.3.2 Mengenalpasti perbezaan faktor demografi dengan faktor risiko (internal dan eksternal) bagi remaja dan belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di daerah Pontian Johor.	69
4.3.3 Mengkaji faktor risiko internal dan eksternal yang dominan yang mempengaruhi penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja Pontian Johor.	72
4.4 Kesimpulan	74
BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	76
5.2 Perbincangan dan Rumusan	77
5.2.1 Objektif 1: Mengenalpasti taburan demografi terhadap	77

	penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja daerah Pontian, Johor.	
5.2.2	Objektif 2:	81
	Mengenalpasti faktor demografi yang dominan terhadap faktor risiko (internal dan eksternal) bagi remaja dan belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di daerah Pontian Johor.	
5.2.3	Objektif 3:	83
	Mengenalpasti perbezaan faktor demografi dengan faktor risiko (internal dan eksternal) bagi remaja dan belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di daerah Pontian Johor.	
5.2.4	Objektif 4:	86
	Mengkaji faktor risiko internal dan eksternal yang dominan yang mempengaruhi penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja daerah	

Pontian Johor.

5.4	Implikasi Kajian	89
-----	------------------	----

5.5	Cadangan dan Saranan	90
-----	----------------------	----

5.6	Penutup	94
-----	---------	----

RUJUKAN	95
----------------	----

LAMPIRAN	
-----------------	--

SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Pembahagian Soal Selidik	49
3.2	Skala Likert Lima Mata	51
3.3	Sela Kelas Bagi Tahap Min Skor	51
3.4	Petunjuk Wajar Bagi Pekali Cronbach's Alpha	53
3.5	Kaedah Statistik Yang Digunakan	54
4.1	Frekuensi dan Peratusan Demografi Responden Mengikut Jenis Pekerjaan	59
4.2	Frekuensi dan Peratusan Demografi Responden Mengikut Tahap Pendidikan	60
4.3	Frekuensi dan Peratusan Demografi Responden Mengikut Pendapatan Keluarga	61

4.4	Frekuensi dan Peratusan Demografi Responden Mengikut Latar Belakang Diri	62
4.5	Frekuensi dan Peratusan Demografi Responden Mengikut Latar Belakang Ibu Bapa	63
4.6	Demografi Jenis Penyalahgunaan Bahan	64
4.7	Koefisien Regresi Faktor Demografi Yang Menyumbang Kepada Faktor Risiko Dalaman (Internal) Bagi Remaja dan Belia Pontian Yang Terlibat Dengan Penyalahgunaan Dadah.	66
4.8	Koefisien Regresi Faktor Demografi Yang Menyumbang Kepada Faktor Risiko Luaran (Eksternal) Bagi Remaja dan Belia Pontian Yang Terlibat Dengan Penyalahgunaan Dadah	67
4.9	Analisis ANOVA Bagi Melihat Perbezaan Antara Faktor Demografi dan Fakor Risiko Dalaman (Internal) Remaja dan Belia Terlibat Dengan Penyalahgunaan Dadah di Pontian.	69
4.10	Analisis ANOVA Bagi Melihat Perbezaan Antara Faktor Demografi dan Fakor Risiko Luaran (Eksternal) Remaja dan Belia Terlibat Dengan Penyalahgunaan Dadah di Pontian.	71

4.11	Koefisien Regresi Faktor Penglibatan Remaja dan Belia Pontian Dalam Penyalahgunaan Bahan	72
4.12	Ringkasan Pencapaian Objektif Kajian	75

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.0	Kerangka Konsep Kajian	13
2.0	Kerangka Teoritikal Kajian	27
3.0	Kerangka Operasional Kajian	47
3.1	Kiraan Julat Tahap Min Skor	52

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penagihan dadah dan bahan terlarang merupakan suatu gejala yang sangat serius di Malaysia. Jamaludin Ahmad (2009), menyatakan bahawa penyalahgunaan dadah tidak mengenal mangsa. Fenomena penyalahgunaan bahan bukan hanya melibatkan golongan dewasa dan belia tetapi gejala ini telah merebak di kalangan golongan remaja termasuk kanak-kanak dan murid-murid di sekolah rendah. Golongan muda ini merupakan bakal pewaris yang akan menerajui dan mewarisi negara pada masa depan. Seandainya golongan ini telah dipengaruhi dengan ketagihan dadah atau bahan maka harapan untuk melihat negara ini berkembang maju dan makmur pada masa depan akan menjadi sia-sia. Demi merealisasikan objektif ini pihak kerajaan telah mengisytiharkan tahun 2003 sebagai Tahun Memerangi Dadah Habis-Habisan dan bercadang merealisasikan Sekolah Bebas Dadah pada 2012 dan Malaysia Negara Bebas Dadah pada tahun 2015 (Chan Yuen Fook, 2010).

Penyalahgunaan bahan bukan hanya tertumpu kepada penggunaan dadah yang terlarang, tetapi juga melibatkan penyalahgunaan rokok dan minuman alkohol (Werry, 1986). Antara bentuk penyalahgunaan bahan selain dadah ialah minyak petrol, gam, dan bahan-bahan kimia yang lain yang boleh menyebabkan gangguan

secara psikologi. Rokok atau tembakau serta alkohol masih lagi menjadi permasalahan yang besar kerana bahan-bahan ini ditawarkan di hampir setiap tempat, dan kebanyakan remaja menggunakan khidmat orang dewasa untuk mendapatkan bahan-bahan ini (Severson dan James, 2002).

Lantaran itu, pelbagai usaha yang telah dilaksanakan dalam memerangi masalah sosial yang berkaitan dengan penyalahgunaan bahan telahpun dilaksanakan sejak tahun lapan puluhan lagi. Malaysia telah mengistiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara pada tahun 1983 (A.Halim et al, 2009). Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak, namun keadaannya tidak berubah. Justeru itu, kerajaan telah mengisyiharkan tahun 2003 sebagai tahun memerangi dadah habis-habisan (Hazman, et.al, 2004).

Dadah adalah bahan atau kimia yang amat merbahaya kepada individu yang menggunakan kerana ia mengubah cara minda dan tubuh manusia berfungsi (Agensi Anti dadah Kebangsaan,2011, Hazman, *et al*, 2004). Banyak hal yang berkaitan dengan dadah sentiasa menjadi bahan dalam berita. Apabila mendengar saja perkataan dadah, kita akan terus memikirkan jenis-jenis dadah seperti ganja dan heroin. Tetapi, sebenarnya terdapat beribu-ribu jenis dadah di seluruh dunia ini yang digunakan oleh lebih kurang 200 juta manusia untuk pelbagai tujuan.

Dadah juga bukanlah perkara baru dalam kehidupan seharian manusia kerana penggunaannya telah dikesan sejak berabad-abad yang lalu meskipun tarikh sebenar tidak dapat diketahui. Mengikut sumber sejarah, dadah dikaitkan dengan alam fantasi oleh masyarakat zaman dahulukala yang menganggapnya sebagai pembalut penderitaan dan sumber keseronokan (A.Halim et al, 2009).

Gejala penyalahgunaan bahan kini bukan hanya melibatkan dadah, tetapi juga melibatkan penyalahgunaan alkohol, gam, petrol dan juga bahan-bahan yang dilarang atau beracun sebagai cara untuk mengkhayalkan dan mencari keseorongonkan diri.

Penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja adalah merupakan suatu realiti dalam masyarakat tetapi ia tidak begitu terdedah kepada umum. Keterlibatan golongan muda ini dalam gejala penyalahgunaan bahan ini amat merugikan negara kerana mereka adalah generasi pewaris negara dan kegagalan membentuk mereka secara positif akan memberi impak yang besar kepada corak kehidupan generasi masa depan. Remaja mudah terpengaruh dengan penyalahgunaan bahan ini disebabkan oleh pada usia tersebut seseorang itu akan mengalami krisis pembentukan identiti. Identiti yang terbentuk akan bersifat positif atau sebaliknya bersifat negatif, bergantung kepada pengalaman yang dilaluinya dan juga pengaruh faktor persekitaran seperti hasil interaksi dengan keluarga dan rakan sebaya (Mohammad dan Mahmood, 2002). Ini bermakna faktor persekitaran mampu mempengaruhi pembentukan identiti seseorang.

Penyalahgunaan dadah di kalangan remaja di Malaysia dianggap musuh nombor satu negara bagi masalah sosial. Hal ini kerana, banyak program-program kesedaran dan pemulihan mengenai bahaya dadah telah dilaksanakan oleh agensi kerajaan mahupun pihak-pihak swasta, namun masalah ini tetap berleluasa dan sukar dibendung.

1.2 Latar Belakang Masalah.

Penglibatan remaja dalam penyalahgunaan bahan bukanlah perkara asing lagi di Malaysia. Menurut Laporan Dadah Sedunia (2011), penglibatan remaja secara keseluruhannya telah meningkat secara global. Malahan Malaysia juga turut menerima bahang yang tidak kurang hebatnya. Sejarah atau trend penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja di Malaysia telah bermula dengan monopoli golongan remaja Melayu secara berperingkat pada tahun 1960-an (Hussain, 2001). Golongan muda tempatan pada yang masih berpaksikan Barat seterusnya terpengaruh dengan budaya ‘*hippies*’ pada lewat tahun 1960 dan awal 1970 an yang turut membawa

bersama bekalan dadah ke Malaysia (Khairuddin, Siti Norazah, dan Saroja, 1994). Pada masa yang sama juga, kemunculan kawasan ‘The Golden Triangle’ di Burma, Laos dan Thailand telah meningkatkan lagi bekalan dadah dan bahan terlarang ke kawasan sekitarnya, termasuklah Malaysia (Agensi Antidadah Kebangsaan, 1997).

Masalah ini menjadi semakin parah pada sekitar tahun 1970 dan 1980, iaitu terdapat 711 penagih dikesan pada tahun 1970, yang menjadikan jumlah keseluruhannya seramai 26, 513 orang penagih telah dikenalpasti pada tahun 1982. Pada tahun berikutnya, jumlah itu meningkat kepada 92, 310 (Khairuddin, Siti Norazah, dan Saroja, 1994). Penularan wabak penagihan yang tidak terkawal ini menyebabkan Perdana Menteri pada ketika itu telah mengisytiharkan ‘Dadah’ sebagai musuh nombor satu Negara pada 19 Februari 1983 (Agensi Antidadah Kebangsaan, 1997). Pengumuman ini dilakukan bersandarkan rekod bahawa 65 peratus penagih pada ketika itu merupakan golongan lelaki muda pada dalam lingkungan umur 20 hingga 29 tahun yang mewakili tulang belakang dan harapan masa depan negara. Kesan tidak langsung permasalahan penyalahgunaan bahan dadah ini boleh mengancam kebajikan sosio-ekonomi, kerohanian, dan budaya semulajadi masyarakat di Malaysia pada ketika itu, dan seterusnya menjadikan negara lemah dari segi daya tahan dan keselamatannya (Agensi Antidadah Kebangsaan, 1997).

Sehingga kini isu dadah masih lagi menjadi permasalahan terutamanya di kalangan golongan remaja. Berdasarkan statistik terkini jumlah penduduk Malaysia ialah sebanyak 28.3 juta dengan 10.5 juta penduduknya ialah golongan belia dan remaja (15-39 tahun) (Jabatan Perangkaan Negara, 2010). Daripada statistik tersebut, hampir setiap tahun golongan ini telah mendominasi carta statistik dadah negara. Contohnya pada sepanjang tahun 2011 sahaja, sebanyak 11,194 orang penagih dadah dikesan dengan 6, 956 orang adalah penagih baru dan 4, 238 orang penagih berulang. Daripada jumlah itu golongan belia merupakan golongan yang paling ramai terdedah dengan risiko penagihan iaitu sebanyak 76.54 peratus atau 8,513 orang. Diikuti golongan remaja pula sebanyak 4.14 peratus atau 461 orang. (Laporan Dadah Disember, 2011).

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada penggunaan bahan dadah terutamanya dalam kalangan remaja di luar bandar. Antaranya ialah faktor demografi dan sosial, tret personaliti, dan karakteristik persekitaran luar bandar. Pendidikan rendah dalam kalangan ibu bapa, peningkatan tahap remaja, dan juga tahap sosio-ekonomi yang rendah juga merupakan jangkaan demografi terhadap tingkah laku penyalahgunaan bahan (Oetting, Edwards, Kelly, dan Beauvais, 1997).

Kajian yang dijalankan oleh Mahmood (2010) mendapati peratusan tertinggi aktiviti penyalahgunaan bahan oleh golongan remaja dan belia telah dikenalpasti berlaku kawasan luar bandar dan kampung iaitu meliputi 51 peratus. Manakala baki 35 peratus yang lain tinggal dikawasan perumahan, 4.7 peratus tinggal di pekan-pekan kecil, dan hanya 8.1 peratus tinggal di kawasan bandar.

Fenomena penyalahgunaan dadah ini didorong oleh beberapa faktor. Faktor ini mempunyai kaitan dengan perkembangan mental, fizikal dan emosi, pengaruh persekitaran, bekalan dadah, kurang kemesraan keluarga, serta kurang pengetahuan persekitaran. Berdasarkan statistik oleh AADK telah menyenaraikan faktor mula menggunakan dadah ialah untuk keseronokan, sebagai penahan sakit, pengaruh kawan, secara tidak sengaja, perasaan ingin tahu, tekanan jiwa, ransangan dan lain-lain.

Salah satu faktor ialah penglibatan ibu bapa. Penglibatan ibu bapa turut menjadi faktor langsung dan tidak langsung yang berhubungkait dengan masalah penyalahgunaan bahan ini dari aspek asosiasi ketika zaman kanak-kanak (Brody et al., 2002; Dawes, Clarck, Moss, Kirisci, dan Tarter, 1999; Murry dan Brody, 1999), kompetensi sosial yang rendah (Taylor dan Machida, 1994), dan kegagalan akademik (Bogenschneider, 1997; Paulson, 1994). Kajian terhadap kesan-kesan faktor risiko persekitaran ini mendapati bahawa proses-proses dalam keluarga, interaksi rakan

sebaya, dan komuniti adalah berhubungkait dengan penyesuian dalam kalangan remaja (Sameroff, Seifer dan Bartko, 1986).

Faktor perasaan ingin tahu adalah salah satu daripada ciri semula jadi seseorang. Lebih-lebih lagi kanak-kanak yang baru meningkat remaja. Remaja akan melalui satu tahap kritis untuk mencari identiti diri dan perasaan ini perlu dikembangkan untuk kebaikan diri. Remaja yang mula mengenali diri ingin kelihatan hebat dan diterima oleh rakan-rakan dan mereka mula mencuba sesuatu yang boleh dianggap hebat. Bermula daripada merokok dan akhirnya telibat dengan penagihan dadah.

Trend yang sama juga dapat dilihat dalam perlakuan delinkuen yang lain seperti penghiduan gam dan minum minuman beralkohol. Penagih kronik didapati mula menghidu gam dan minum arak pada usia yang lebih muda daripada penagih bukan kronik. Implikasi daripada dapatan ini menunjukkan terdapat hubungkait di antara perlakuan delinkuen seperti merokok, menghidu gam dan minum minuman beralkohol dengan penagihan dadah (Mohd. Muzafar Shah, 2007).

Dilema persekitaran sosial yang timbul apabila pelajar menghadapi masalah dalam pergaulan dengan anggota masyarakat yang lain. Dilema persekitaran sosial ini boleh menimbulkan perasaan rendah diri dan tidak diterima oleh orang lain. Apabila keadaan ini berlaku, seseorang itu tidak dapat membuat keputusan yang baik bagi kesejahteraan dirinya, lantas melakuan perkara yang bercanggah dengan norma-norma hidup.

Maka kesan daripada penyalahgunaan dadah ini boleh berlaku dari segi tingkah laku penagih itu sendiri. Selain mampu menukar sifat seseorang menjadi berani, dadah juga mendorong mereka melakuan kekerasan hingga mencederakan atau membunuh orang lain sekiranya permintaan yang mereka tidak dipenuhi. Menurut pihak polis, soal siasat ke atas mereka yang ditahan berhubung kes ragut,

samun, rogol, dan bunuh kebanyakannya menjurus kepada penggunaan ATS (*Amphetamine type stimulant*) (Polis DiRaja Malaysia, 2006).

Dari segi fizikal pula, penagih menjadi kurus, tenaga menjadi lemah, malas dan kelihatan berada dalam dalam khayalan, boleh kehilangan tenaga seks, pitam, pengsan, berperasaan ganas, rasa ketagihan yang berlebihan, sakit perut dan berkemungkinan mati kerana mengambil dadah berlebihan. Daya tahan badan penagih akan menjadi lemah dan ianya mungkin dijangkiti pelbagai penyakit seperti kancing gigi, mandul, dan sebagainya (Jamaluddin, 2009).

Sedar akan kekuatan pengaruh dan kesan dadah ini, pelbagai program telah dijalankan oleh pihak AADK dalam membanteras penyalahgunaan bahan terutamanya bagi golongan remaja dan belia. Antara program yang dijalankan ialah program Keluarga Bebas Dadah yang meliputi aktiviti *Family On Alert*, program Institusi Pendidikan Bebas Dadah yang menjalankan aktiviti seperti SHIELDS, program Tempat Kerja Bebas Dadah seperti aktiviti TEKAD, program Komuniti Bebas Dadah seperti SMART, program Kesedaran Awam dan Publisiti Antidadah seperti aktiviti pameran, media dan lain-lain lagi (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2010).

Namun, walaupun pelbagai program telah dijalankan dalam usaha untuk mencegah dan merawat gejala penyalahgunaan dadah ini, ianya kelihatan seperti ‘mencurah air ke daun keladi’, dengan penangkapan seramai 360,833 orang pada tahun 2010 di bawah Ops Tapis, iaitu operasi menangkap orang yang disyaki penagih dadah oleh pihak polis (PDRM, 2010).

Kos yang dibentangkan oleh pihak AADK pula dalam mengurus dan membangunkan rawatan dan pencegahan telah menelan belanja sebanyak RM 295.933 juta pada tahun 2010. Kos ini merupakan jumlah yang cukup besar dalam mengendalikan kes-kes dadah di Malaysia. Apa yang boleh dijelaskan disini bahawa

dengan jumlah tangkapan yang tinggi setiap tahun, ianya merupakan petunjuk bahawa program-program antidadah di Malaysia ini masih lagi gagal memberikan impak positif secara menyeluruh terutamanya dalam mengenalpasti faktor risiko yang menyebabkan pengibatan remaja di kawasan bandar dan luar bandar.

1.3 Pernyataan Masalah

Penyalahgunaan bahan yang terdiri dari pelbagai jenis dadah tidak mengenal mangsa, sesiapa sahaja boleh terjebak dengan penyalahgunaan dadah sama ada individu tersebut daripada kanak-kanak, remaja, dewasa, belia, orang tua, sudah berkeluarga atau bujang, kaya atau miskin, bekerjaya baik atau tidak, berpangkat tinggi atau rendah, berstatus baik atau tidak, kuat beragama atau tidak, menjadi pemimpin atau tidak, keturunan raja atau tidak, berpendapatan tinggi atau rendah dan kategori lain (Jamaluddin, 2009).

Berdasarkan jumlah penangkapan setiap tahun yang tinggi menunjukkan bahawa masih tidak diketahui faktor risiko yang mempengaruhi remaja di kawasan luar bandar secara menyeluruh. Walaupun statistik menyenaraikan faktor penyebab penggunaan dadah, namun faktor tersebut tidak mengambil kira kawasan persekitaran mereka. Menurut kajian yang dijalankan di kawasan berisiko tinggi penyalahgunaan dadah menunjukkan bahawa golongan remaja dan belia mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap risiko dan bahaya dadah (Roslee dan Mohamed, 2005).

Maka, boleh dikatakan bahawa punca penyalahgunaan dalam kalangan remaja pada era ini bukanlah disebabkan kekurangan maklumat mengenai bahaya penggunaan dadah kepada mereka, ianya lebih mendalam dan tersirat daripada itu. Kajian oleh Mahmood (2010) mengenai penyalahgunaan bahan dan dadah mengikut

kawasan menunjukkan perbezaan trend antara bandar dan luar bandar. Maka tidak mustahil dikatakan bahawa terdapatnya faktor tarikan dan risiko yang berbeza bagi remaja di kawasan luar bandar.

Justeru itu, apakah sebenarnya yang menyebabkan penglibatan remaja dalam aktiviti ini? Mengapakah remaja di luar bandar masih lagi terlibat walaupun pelbagai kempen dan program kesedaran telah di jalankan kepada mereka? Adakah terdapat perbezaan faktor risiko di luar bandar sehingga mereka begitu tertarik dengan dadah? dan apakah kekurangan dan kelemahan program kesedaran sedia ada yang tidak memberikan impak yang kuat ke atas remaja kawasan tersebut?.

Lantaran ini, pengkaji berminat untuk mengetahui secara mendalam dan secara khusus tentang faktor risiko remaja dalam penyalahgunaan bahan, terutamanya dari segi kawasan dan profil demografi yang menyumbang kepada permasalahan ini. Pengkaji percaya dengan mengenalpasti secara jelas faktor risiko bagi golongan yang berisiko dalam setiap kawasan mampu memberikan gambaran yang lebih spesifik dalam mencari faktor-faktor yang boleh menolong remaja yang berisiko sama ada di luar bandar. Dengan pengenalpastian ini juga, program-program yang bakal dijalankan di masa hadapan akan melalui hala tuju yang lebih efektif dan berkesan dalam mencegah penyalahgunaan bahan dadah terutamanya dalam kalangan remaja.

1.4 Matlamat Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara faktor risiko internal dan eksternal dalam kalangan remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan Pontian. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor demografi yang menyumbang kepada risiko penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja di kawasan Pontian. Kajian ini juga turut melihat hubungan

faktor demografi dengan faktor internal dan eksternal remaja yang memberikan kesan kepada tindakan atau keputusan untuk menyalahgunakan bahan.. Faktor dominan yang wujud di dalam faktor internal dan eksternal kajian juga dikenalpasti dalam kajian ini.

1.5 Objektif Kajian

- i. Mengenalpasti taburan demografi terhadap penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja Pontian Johor.
- ii. Mengenalpasti faktor demografi yang dominan terhadap faktor risiko (internal dan eksternal) bagi remaja dan belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan Pontian Johor
- iii. Mengenalpasti perbezaan faktor demografi terhadap faktor risiko yang mempengaruhi penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja Pontian Johor.
- iv. Mengkaji faktor risiko internal dan eksternal yang dominan yang mempengaruhi penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja luar bandar Pontian Johor.

1.6 Persoalan Kajian.

- 1.6.1 Apakah taburan demografi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan Pontian?.

1.6.2 Apakah **faktor demografi yang dominan** terhadap risiko faktor risiko (internal dan eksternal) bagi remaja dan belia yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan Pontian Johor

1.6.3. Apakah perbezaan antara **faktor demografi** dengan **faktor risiko (internal dan eksternal)** bagi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan Pontian?.

1.6.4. Apakah **faktor risiko yang dominan** bagi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan Pontian?.

1.7 Kepentingan Penyelidikan/Kajian.


Dalam mengenalpasti faktor risiko dalam kalangan remaja, kajian ini dapat memberikan gambaran terhadap faktor-faktor pelindung bagi remaja dan belia terhadap penyalahgunaan bahan sama ada di Pontian. Ini adalah penting sebagai rujukan dan panduan tambahan kepada mana-mana pihak yang ingin menjalankan program pencegahan yang dijalankan sama ada ianya mengambil kira faktor-faktor pelindung yang berkemungkinan berbeza mengikut kawasan.

Pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) serta Persatuan Antidadah Malaysia (PEMADAM) dapat mengenalpasti faktor-faktor risiko bagi remaja diluar bandar secara jelas dan menyeluruh dalam proses membantu gologan ini. Seterusnya akan memudahkan lagi bahagian pencegahan untuk merancang program pencegahan yang lebih efektif dan lestari. Dengan mengenalpasti faktor risiko di luar bandar memastikan program yang dijalankan mengikut kawasan adalah memenuhi kehendak dan matlamat negara iaitu untuk melahirkan masyarakat bebas dadah. Melalui program pencegahan yang lebih efektif, ianya mampu memberikan kesedaran kepada

remaja dan belia serta masyarakat umumnya mengenai bahaya penyalahgunaan dadah.

Kajian ini merupakan suatu kajian yang mampu memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai faktor risiko remaja terlibat dengan penyalahgunaan bahan. Hanya melalui kesedaran terhadap kelemahan yang timbul dalam struktur organisasi dan ditambah dengan faktor-faktor lain yang lain membolehkan pihak yang terlibat memperbaiki kelemahan dalam usaha untuk mencegah penyalahgunaan bahan. Melalui dapatan kajian yang diambil di kawasan ‘*hotspot*’ memudahkan kita melakukan generalisasi terhadap program pencegahan terutamanya di daerah-daerah yang berisiko.

1.8 Kerangka Konsep Kajian



(Rajah 1.0: Kerangka Konsep Kajian)

Berdasarkan kepada kerangka konsep yang ditunjukkan pada rajah 1.1, kajian ini mengkaji faktor risiko penyalahgunaan bahan di kawasan luar bandar. Antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji ialah faktor demografi yang terdiri daripada jenis pekerjaan, tahap pendidikan, status peribadi/perkahwinan, latarbelakang keluarga, serta jenis penyalahgunaan bahan yang pernah digunakan. Seterusnya, kajian ini juga turut mengenalpasti faktor-faktor risiko yang mendorong remaja melakukan penyalahgunaan bahan bagi kawasan luar bandar.

Antara domain faktor yang dikaji ialah meliputi faktor internal atau dalaman dan faktor eksternal atau luaran. Kedua-dua faktor ini mempunyai sub-sub faktor yang dinilai satu persatu secara terperinci. Contohnya pada faktor internal, domain yang dikaji ialah rohani, emosi, tingkah laku, pengetahuan, dan personaliti. Manakala pada faktor eksternal pula, domain yang dikaji ialah keluarga, rakan sebaya, komuniti, dan persekitaran tempat tinggal. Pembolehubah demografi dan faktor risiko ini akan dinilai hubungannya dalam mengenalpasti faktor risiko yang dominan dan signifikan dengan remaja di kawasan Pontian.

1.9 Skop Kajian.

Kajian ini hanya tertumpu kepada aspek faktor risiko remaja yang terlibat dalam penyalahgunaan bahan di kawasan Pontian sahaja. Responden kajian adalah terdiri daripada kalangan remaja yang telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Responden terdiri daripada ahli *Caring Community House* (CCH) Pontian sahaja. Responden akan dipilih secara *random sampling* berdasarkan jumlah sampel yang telah diagihkan secara berstrata bagi setiap *Caring Community House*. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini ialah kaedah soal selidik. Data yang telah dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences Software* (SPSS) keluaran versi 18.0.

1.10 Batasan Kajian.

Dalam kajian ini, terdapat beberapa batasan kajian yang dikenalpasti oleh pengkaji. Antara batasan kajian termasuklah masa, kos dan jarak. Batasan kajian ini menjadi halangan kepada pengkaji untuk meluaskan lagi skop kajian. Oleh sebab itu, pengkaji hanya menetapkan skop kajian kepada golongan remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan luar bandar khususnya di daerah Pontian.

1.11 Definisi Konsep dan Operasional

1.11.1 Faktor Risiko.

Faktor risiko boleh ditakrifkan sebagai sesuatu ciri, tanda dan gejala pada seseorang individu yang secara statistik berhubungan dengan peningkatan insiden penyakit. Menurut Bustan (2000), faktor risiko merupakan faktor yang sedia ada sebelum terjadinya gejala tertentu. Dalam konteks kajian ini, faktor risiko bermaksud faktor-faktor internal dan eksternal yang menyumbang kepada seseorang remaja atau belia itu terjebak dengan penyalahgunaan bahan. Berdasarkan *Problem Behavior Theory* (Jessor dan Donovan, 1996), faktor internal (dalaman) termasuk sistem tingkah laku dan sistem personaliti iaitu dari segi rohani, emosi, tingkah laku, personaliti dan pengetahuan manakala berdasarkan kepada *Structural Family Therapy* (Minuchin, 1979), faktor eksternal (luaran) termasuk sistem persekitaran iaitu dari segi keluarga, rakan sebaya, komuniti dan persekitaran tempat tinggal.

1.11.2 Remaja

Terdapat banyak ahli psikologi yang mendefinisikan maksud remaja. Dalam Kamus Dewan Edisi Empat, remaja ditakrifkan sebagai “seseorang yang sudah

cukup umur atau muda''. Secara umumnya, remaja mempunyai personality dan perasaan yang berbeza-beza di dalam kehidupan mengikut persekitaran tempat tinggal. Tambahan pula, identiti mereka sentiasa dipengaruhi oleh budaya persekitaran hidup mereka.

Dalam konteks kajian ini, berdasarkan kepada maklumat dari Laporan Dadah Jun AADK (2012), remaja merupakan golongan individu yang berumur dalam lingkungan 13 hingga 18 tahun iaitu individu yang masih berada dalam process ingin mencapai sikap dan kepercayaan yang diperlukan demi penglibatan yang berkesan dalam masyarakat.

1.11.3 Penyalahgunaan bahan/dadah.

Menurut Abdul (1998), penyalahgunaan dadah merupakan seseorang yang menggunakan mana-mana bahan dadah yang bertujuan untuk mengalami psikik fizikal yang dicirikan oleh tingkah laku atau respon lain. Selain itu, Abdul (1998) juga menyatakan bahawa seseorang yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan adalah disebabkan oleh desakan menggunakan dadah secara berterusan atau berkala untuk mengalami kesan psikik dan pada masa yang sama dapat mengelakkan gejala tarikan kerana ketiadaannya. Selain itu, Mohamed, Razak dan Mohd (2002) turut menyatakan bahawa penyalahgunaan dadah akan mengakibatkan seseorang membuat tindakan yang tidak rasional dan sentiasa bertindak di luar kawalan. Akhirnya, penyalahgunaan dadah akan mengakibatkan seseorang itu berasa sukar untuk mencetuskan idea yang bernas.

Dalam konteks kajian ini, penyalahgunaan bahan bermaksud seseorang yang mengambil mana-mana bahan dadah tanpa kebenaran untuk tujuan keseronokan atau perasaan ingin mencuba semata-mata dan pengaruh kawan.

1.11.4 Kawasan Luar Bandar

Dalam Kamus Dewan Edisi Empat, kawasan luar bandar merupakan kawasan daerah yang agak jauh dari kawasan bandar. Penduduk di kawasan luar bandar lebih kurang jika dibandingkan dengan kawasan bandar kerana kawasan luar bandar lebih mundur dari segi ekonomi dan pembangunan. Kebanyakan penduduk bekerja sebagai petani, nelayan, buruh kasar, pelombong bijih timah dan sebagainya untuk menyara diri.

Dalam kajian ini pula, kawasan luar bandar bermaksud penduduk-penduduk yang menduduki di kawasan yang berada di pinggir kawasan bandar dan kawasan pekan-pekan kecil yang berhampiran.

1.11.5 Faktor Internal (Dalam).

Faktor internal merupakan faktor dalam seseorang individu semenjak individu tersebut berada dalam kandungan hingga lahir. Faktor internal merupakan pembawaan dan keturunan seseorang individu kerana faktor-faktor tersebut mampu menguasai perkembangan manusia. Selain itu, faktor internal dalam setiap individu juga adalah unik dan berbeza.

Dalam kajian ini, faktor internal termasuklah perkembangan seseorang individu dari segi rohani, emosi, kognitif, tingkah laku dan personaliti. Pengkaji ingin mengkaji sama ada faktor-faktor yang disenaraikan di atas menyumbang kepada faktor risiko internal bagi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan luar bandar.

1.11.6 Faktor Eksternal (Luaran).

Faktor eksternal merupakan faktor luaran seseorang individu, iaitu melalui pengalaman dan persekitaran individu tersebut. Persekutuan merujuk kepada semua pengalaman yang dihadapi oleh seseorang individu tidak kira di rumah, sesama jiran

tetangga, masyarakat atau di mana jua dia berada. Contohnya, amalan di keluarga boleh dipelajari di rumah dan dibawa ke luar rumah. Seterusnya, rakan sebaya juga mampu mempengaruhi gaya hidup dan cara pergaulan seseorang individu.

Dalam konteks kajian ini, faktor eksternal termasuklah faktor keluarga, rakan sebaya, komuniti dan persekitaran tempat tinggal. Semua faktor tersebut amat mempengaruhi hidup seseorang individu kerana faktor-faktor tersebut berkemungkinan menyumbang kepada faktor risiko eksternal bagi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan luar bandar.

1.11.7 Rohani.

Rohani merujuk kepada perkara-perkara yang berkait rapat dengan roh. Kebiasaannya, rohani dalam setiap individu menjadi penentuan moral sosial masyarakat dan undang-undang. Individu yang mempunyai rohani yang baik sentiasa diklasifikasikan oleh penentuan dan kepercayaan umum mengenai hal kelakuan individu itu secara keseluruhan. Selain itu, kesucian rohani sangat ditekankan dari segi keagamaan. Sekiranya tahap kesucian rohani seseorang individu itu sangat tinggi, maka individu tersebut berada dalam keadaan mental yang logik dan mementingkan kebaikan manusia sejagat serta kebaikan individu itu sendiri.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengkaji sama ada faktor rohani responden menyumbang kepada faktor risiko internal bagi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan luar bandar.

1.11.8 Emosi.

Menurut Kamus Dewan Edisi Tiga, emosi bermaksud perasaan jiwa yang kuat. Emosi adalah adaptasi evolusi kerana emosi meningkatkan kemampuan organism untuk mengalami dan mengevaluasi lingkungannya. Selaras itu, emosi yang dialami itu akan menambah kemungkinan hidup dan bereproduksi dengan

mempersiapkan rencana sederhana untuk berbagai tingkah yang diperlukan. Bruno (1990) juga mendefinisikan emosi sebagai suatu keadaan bangkitan yang mengganggu garis dasar humeostasis. Selain itu, Damasio (1999) turut menyatakan bahawa emosi adalah dikaitkan dengan corak perubahan tindak balas badan dan struktur badan yang berdasarkan emosi.

Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji sama ada faktor emosi responden menyumbang kepada faktor risiko internal bagi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan luar bandar.

1.11.9 Tingkah Laku.

Menurut Martin dan Pear (2003), tingkah laku bermaksud aktiviti, aksi, perbuatan, gerak balas dan reaksi seseorang individu. Menurut Miltenberger (2001) pula, tingkah laku merupakan apa saja yang dikatakan atau dibuat oleh seseorang individu. Tingkah laku boleh diukur dari satu atau lebih dimensi. Di samping itu, tingkah laku juga boleh diperhatikan dan diterangkan. Secara umumnya, tingkah laku seseorang individu mudah dipengaruhi oleh faktor internal dan eksternal. Justeru itu, tingkah laku seseorang boleh dikatakan memberi kesan atau impak kepada masyarakat serta persekitarannya.

Dalam konteks kajian tersebut, pengkaji ingin mengkaji sama ada faktor tingkah laku responden menyumbang kepada faktor risiko internal bagi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan luar bandar.

1.11.10 Personaliti.

Personaliti merupakan salah satu cabang psikologi yang mengkaji keperibadian dan proses individu lain yang menjadikan kita manusia. Personaliti juga boleh ditakrifkan sebagai satu set ciri-ciri dinamik dan teratur yang dimiliki oleh seseorang. Personaliti yang unik akan mempengaruhi kognitif, motivasi dan tingkah laku seseorang dalam pelbagai situasi (Ryckman, 2004).

Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji sama ada faktor personaliti responden menyumbang kepada faktor risiko internal bagi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan luar bandar.

1.11.11 Keluarga.

Keluarga boleh dikatakan sebagai institusi di mana seseorang individu itu mendapat pendidikan yang terawal (Hairunnaja, 2003). Ali (2006) turut mengatakan bahawa keluarga adalah dua atau lebih individu yang bergantung kerana hubungan darah, perkahwinan, dan adopsi dalam satu rumah tangga yang berinteraksi satu dengan lainnya dalam peranan dan menciptakan serta mempertahankan suatu budaya. Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengkaji sama ada faktor keluarga responden menyumbang kepada faktor risiko eksternal bagi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan luar bandar.

1.11.12 Rakan Sebaya.

Mengikut Kamus Dewan Edisi Empat, rakan sebaya bererti anak-anak muda yang sama umurnya dalam satu kelompok atau kumpulan. Kebiasaannya, golongan remaja lebih suka meniru, terikut dan terpengaruh dengan rakan sebaya. Pada peringkat umur yang muda ini, remaja masih mentah, nalurinya kurang tabah dan sifat ingin mencuba itu mudah berkobar-kobar. Jadi, apabila dipujuk atau dipengaruhi oleh rakan-rakan sebaya, mereka sudah tentu tidak dapat mengawal perasaannya untuk turut terlibat dalam gejala negatif. Remaja yang tidak dapat kasih sayang, kawalan dan bimbingan yang sempurna daripada keluarga adalah lebih mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya.

Sharifah (1984) menyatakan bahawa rakan sebaya ialah sahabat dalam lingkungan usia, latar belakang dan minat yang lebih kurang sama. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengkaji sama ada faktor rakan sebaya responden menyumbang kepada faktor risiko eksternal bagi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan luar bandar.

1.11.13 Komuniti.

Komuniti biasanya merujuk kepada satu unit sosial yang lebih besar daripada sebuah kampung kecil yang berkongsi nilai-nilai atau norma-norma kehidupan bersama. Komuniti juga boleh merujuk kepada masyarakat kebangsaan atau masyarakat antarabangsa. Dalam masyarakat manusia, niat, kepercayaan, sumber, keutamaan, keperluan, risiko, dan beberapa syarat-syarat lain boleh hadir dan akan menjelaskan identiti remaja.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengkaji sama ada faktor komuniti responden menyumbang kepada faktor risiko eksternal bagi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan luar bandar.

1.11.14 Persekutaran Tempat Tinggal.

Rumah dan persekitarannya adalah salah satu keperluan asas kepada seseorang manusia. Tambahan pula, persekitaran tempat tinggal amatlah mempengaruhi kualiti hidup seseorang. Kualiti perumahan adalah suatu keadaan perumahan yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat dan budayanya. Sekiranya persekitaran adalah bebas daripada gejala negatif, maka komuniti atau masyarakat adalah bebas daripada ancaman gejala negatif dan sebaliknya.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji sama ada faktor persekitaran responden menyumbang kepada faktor risiko eksternal bagi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan di kawasan luar bandar.

1.13 Kesimpulan

Isu penyalahgunaan bahan di kalangan remaja merupakan suatu topik yang selalu dikaji. Hal ini menunjukkan terdapat kesedaran di kalangan masyarakat untuk berusaha mengenalpasti faktor-faktor risiko dan kelemahan yang berlaku dalam masyarakat hari ini sehingga timbulnya masalah ini dalam negara. Justeru itu, usaha-usaha dan langkah-langkah penyelesaian cuba diutarakan bagi menyelesaikan isu tersebut.

Lantaran ini, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui secara mendalam dan secara khusus tentang faktor risiko remaja dalam penagihan bahan, terutamanya dari segi kawasan dan profil demografi yang menyumbang kepada permasalahan ini. Pengkaji percaya dengan mengenalpasti secara jelas faktor risiko bagi golongan yang berisiko dalam kawasan tertentu mampu memberikan gambaran yang lebih spesifik dalam mencari faktor-faktor yang boleh menolong remaja yang berisiko. Dengan pengenalpastian ini juga, program-progam yang bakal dijalankan di masa hadapan akan melalui hala tuju yang lebih efektif dan berkesan dalam mencegah penyalahgunaan bahan dadah terutamanya dalam kalangan remaja luar bandar.

Rujukan:

Abd. Rahim Abd. Rashid (2006). *Menangani Perkembangan dan Masalah Tingkah Laku Remaja Dalam Keluarga*. Universiti Malaya: Pusat Pembangunan Keluarga. KUIM.

Abdul Halim Mohd Hussin, Vanaja A/P K.Subramaniam, Haslinda Hussein, Sarina Mohamed, Hafiz Yusoff dan Loh Chow Woei. (2009). Definisi Pengih dan Ketagihan Menurut Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Pindaan 1998) dan Akta-Akta Lain yang Berkaitan. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*.

Abdul Rani Kamarudin. (2007). The Misuse of Drugs in Malaysia: Past and Present. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*.

Abdul, G. T. (1998). Dadah: Strategi dan Kawalan di Sekolah-Sekolah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Al Hadi. (1993). *Faktor-faktor keluarga dan tingkah laku penyalahgunaan dadah. Satu kajian perbandingan antara penyalahgunaan dadah dengan bukan penyalahgunaan dadah*. Kuala Lumpur:Universiti Serdang Malaysia.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al-Ghazali. (1987). *Ihya' Ulum al-Din*.Jilid 1&3, . Kaherah: Dar al-Rayyan Li al-Turath.

Ali, Z. (2006). *Pengantar Keperawatan Keluarga*. Jakarta: EGC.

Alwi, H. (2003). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.

Alyssa S. Milot dan Alison Bryant Ludden. (2009) The Effects of Religion and Gender on Well-Being, Substance Use and Academic Engagement Among Rural Adolescents *Youth Society* 40: 403

Amanda Crowe. (2012). Develop and evolution of web based Resource engaging Parents ,teacher and others teen influence of prevent teen communication drug

- abuse. USA: *National Conference on health Cominication marketing and media. communities. Educational Psychologist* 32(3):137–151.
- Anderson Carl M.(2009). Cardbellar lingual size and experiential risk factor assiosiate with high level. *Journal Medicine Vol 9 Issue2.*
- Arieff Salleh Rosman & Wardah Mokhtar (2006). *Membentuk Jati Diri Remaja.* Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ashery, R.S.; Robertson, E.B.; and Kumpfer K.L. (1998) *Drug Abuse Prevention Through Family Interventions.* NIDA Research Monograph No. 177. Washington, DC: U.S. Government Printing Office.
- Asmak Haji Ali (2006). *Salah Laku Remaja Masa Kini: Cabaran dan Penyelesaiannya.* UITM Shah Alam: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam.
- Azizi Yahaya, Mohd Najib Ab. Ghaffar, dan Badrulzaman Baharom. (2010). Persekutaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja. (*Unpublished*)
- Badrulzaman Baharom. (2006). Persekutaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja di Daerah Pontian, Johor. *Laporan Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan.*
- Battistich, V.; Solomon, D.; Watson, M.; and Schaps, E. (1997). Caring school communities. *Educational Psychologist* 32(3):137–151.
- Bauman, K.E.; Foshee, V.A.; Ennett, S.T.; Pemberton, M.; Hicks, K.A.; King, T.S.; and Koch, G.G. (2001). The influence of a family program on adolescent tobacco and alcohol. *American Journal of Public Health* 91(4):604–610.
- Botvin, G.; Baker, E.; Dusenbury, L.; Botvin, E.; and Diaz, T. (1995). Long-term follow-up results of a randomized drug-abuse prevention trial in a white middle class population. *Journal of the American Medical Association* 273:1106–1112.
- Bruno, F. J. (1990). *Dictionary of keywords in Psychology.* London: Routledge and Kegan Paul.

- Bustan, M. N. (2000). *Epidemiologi Penyakit Tidak Menular*. PT Rineka Cipta, Jakarta.
- Chan Yuen Fook, Abd Halim Mohd. Hussin, Gurnam Kaur Sidhu, Nazeera Ahmed Bazari dan Rozilah Abdul Aziz. (2010). Tahap Pengetahuan Murid Sekolah Rendah Malaysia Tentang Bahaya Dadah. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*.
- Chou, C.; Montgomery, S.; Pentz, M.; Rohrbach, L.; Johnson, C.; Flay, B.; and Mackinnon, D. (1998). Effects of a community-based prevention program in decreasing drug use in high-risk adolescents. *American Journal of Public Health* 88:944–948.
- Damasio, A. R. (1999). The feeling of what happens: *Body and emotion in the making of consciousness*. New York, NY: Harcourt Brace dan Company.
- Dishion, T.; Kavanagh, K.; Schneiger, A.K.J.; Nelson, S.; and Kaufman, N. (2002). Preventing early adolescent substance use: A family centered strategy for the public middle school. *Prevention Science* 3(3):191–202.
- Donovan, J. E. (1996). Problem-behavior theory and the explanation of adolescent marijuana use. *Journal of Drug Issues*, Vol 26(2),, 379-404
- Doris C. Chu dan Hung-En Sung. (2009). Racial Differences in Desistance From Substance Abuse : The Impact of Religious Involvement on Recovery *Int J Offender Ther Comp Criminol* 53: 696.
- Emma J. Brown dan Colette D. Waite. (2005). Substance Abuse and HIV Behaviors Perceptions of Risk and Resiliency Factors Associated With Rural African American Adolescents *Journal of the American Psychiatric Nurses Association* 11: 88.
- Fauziah Ibrahim, Bahaman Abu Samah, Mansor Abu Talib dan Mohamad Shatar Sabran. (2012). Drug Addicts and the High Risk Situations of Relapse. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol 7, (1), 38-49
- Hairunnaja, N. (2003). *Psikologi Ketenangan Hati*. T.T.P: Pts Publications dan Distributor Sdn. Bhd.

- Ialongo, N.; Poduska, J.; Werthamer, L.; and Kellam, S. (2001). The distal impact of two first-grade preventive interventions on conduct problems and disorder in early adolescence. *Journal of Emotional and Behavioral Disorders* 9:146–160.
- Jamaludin Ahmad (2009), *Salahguna Dadah: Sebab, Akibat, Cegah Dan Rawat*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jamaludin Ahmad, Nor Asida Shafii dan Tajul Aripin Sulaiman. (2009). Faktor Penagihan Dadah Dalam Kalangan Penagih Dadah Wanita di PUSPEN Bachok, Penjara Kajang, dan Pusat Khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (PKAADK) Kuala Lumpur. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*.
- Jeffrey J. Wilson dan Hans Steiner. (2002). Conduct Problems, Substance Use and Social Anxiety: A Developmental Study of Recovery and Adaptation *Clin Child Psychol Psychiatry* 7: 235.
- Jeremy M. Wilson dan Joseph F. Donnermeyer. (2006). Urbanity, Rurality, and Adolescent Substance Use *Criminal Justice Review* 2006 31: 337
- Jessor, R. (1991). Risk behavior in adolescence: A psychosocial framework for understanding and action. *Journal of Adolescent Health*, 12, 597-605.
- Jessor, R., & Jessor, S. (1977). *Problem behavior and psychosocial development: A longitudinal study of youth*. New York, NY, USA: Academic Press.
- Jessor, R., dan Jessor, S. L. (1977). *Problem behavior and psychosocial development: A longitudinal study of youth*. New York: Academic Press.
- Jessor, R., Donovan, J. E., dan Costa, F. M. (1991). *Beyond adolescence: Problem behavior and young adult development*. New York: Cambridge University Press.
- Jessor, R., Graves, T. D., Hanson, R. C., dan Jessor, S. L. (1968). *Society, personality, and deviant behavior: A study of a tri-ethnic community*. New York: Holt, Rinehart dan Winston.

- Jonathan Pettigrew, Michelle Miller-Day, Janice Krieger dan Michael L. Hecht. (2012). The Rural Context of Illicit Substance Offers : A Study of Appalachian Rural Adolescents. *Journal of Adolescent Research* 27: 523
- Jorge Colapinto. (1982). Structural Family Therapy. published in Arthur M. Horne and Merle M. Ohlsen (eds.), *Family counseling and Therapy*. Itasca, Illinois: F .E .Peacock, 1982.
- Julia C. Torquati dan Marcela Raffaelli. (2004). Daily Experiences of Emotions and Social Contexts of Securely and Insecurely Attached Young Adults *Journal of Adolescent Research* 19: 740.
- Kamarudin Hussin, Abd Majid Mohd Isa, Abdull Halim Abdul, Huzili Hussin, dan Mohd Amran Hasan. (2007). Kajian Pengaruh dadah Dalam Kalangan Pelajar baru Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*.
- Kamus dewan edisi ketiga* (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus dewan edisi ketiga* (1998). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kate Hunt, Helen Sweeting, James Sargent, Heather Lewars, Robert Young dan Patrick (2011). Is there an association between seeing incidents of alkohol or drug use in films and young Scottish adults' own alkohol or drug use? A cross sectional study *BMC Public Health*.
- Khaidzir Hj. Ismail, Mohd Fauzi Mohd Jani, dan Abdul Hamid Jaafar. (2009). Pengesan Penanda Awal Penyalahgunaan Dadah dan Bahan dalam Kaangan Pelajar IPTA. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*.
- Khairuddin Y, Siti Norazah Z, dan Saroja B (1994). Knowledge, Attitudes and Perceptions to Drug Abuse in Peninsula Malaysia with Additional Focus on Parents and Adolescents. *Social Obstetrics and Gynaecology Department, Faculty of Medicine*, University Malaya, Kuala Lumpur.

- Kikuchi, A. dan Wada, K. (2003). Factors Associated With Volatile Solvent Use among Junior High School Students in Kanto. *Japan in Addiction*, 98, pp. 771-784.
- Kosterman, R.; Hawkins, J.D.; Spoth, R.; Haggerty, K.P.; and Zhu, K. (1997). Effects of a preventive parent-training intervention on observed family interactions: proximal outcomes from Preparing for the Drug Free Years. *Journal of Community Psychology* 25(4):337–352.
- Linda Haddad, Ali Shotar, Mary Umlauf dan Sukaina Al-Zyoud. (2010). Knowledge of Substance Abuse Among High School Students in Jordan. *J Transcult Nurs* 21: 143
- Mahmood Nazar Mohamed, Sabitha Marican, Nadiyah Elias dan Yahya Don. (2008). Pattern of Substance and Drug Misuse Among Youth in Malaysia. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*.
- Mahyudin Arsat dan Azizah Besar. (2011). Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Pelajar. Satu Kajian Di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka (*Unpublished*).
- Martin, G, dan Pear, J. (2003). *Behavior modification: What it is and how to do it* (7th ed.). Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Maslow, A. H. (1943). A Theory of Human Motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370-96.
- Melanie J. Simmons, dan Marlene LaLota. (2005). Problem Behaviors vs. the Situational Adversity Approach: HIV Risk Behaviors of Homeless Youth in Fort Lauderdale, Florida Florida. *Public Health Review*, 2: 96-107 96
- Miltenberger, R. G. (2001). *Behavior modification: Principles and procedures* (2nd ed.). Belmont, CA:Wadsworth.
- Minuchin, S. (1979) *Families and Family Therapy*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

- Mohamed, I., Razak, L. dan Mohd Isa, A. M. (2002). *Mengenali Dadah dan Bahayanya Terhadap Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Shahid Ismail dan Mahmood Nazar Mohamed. (2007). Remaja Menghidu Gam: Pengaruh Keluarga dan Rakan Sebaya. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*.
- Muhammad Yusuf Khalid. (2005). ‘*Gejala Sosial dan Penyelesaiannya dari Perspektif Tasawuf*’ dalam Syamsul Bahri et.al, *Membangun Masyarakat Moden Yang Berilmu dan Berakh�ak*. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan:
- Myra Galt. (1997). Illicit drug availability in rural areas and attitudes toward their use – young people talking *Health Education Journal* 56: 17
- Oetting, E. R., Edwards, R.W., Kelly, K., dan Beauvais, F. (1997). Risk and protective factors for drug use among rural American youth. In E. Robertson, Z. Sloboda, G. Boyd, L. Beatty, dan N. Kozel. *Rural substance abuse: State of knowledge and issues (NIDA Research Monograph No. 168)*. Rockville, MD: National Institute on Drug Abuse.
- Remy J Cardenet.(1986). An adoption study of genetic and environment factor in drug abuse. *Journal General Psychiatry*. Vol 73 No 12.
- Richard Thompson, Jiyoung Kim Tabone, Alan J. Litrownik, Ernestine C. Briggs, Jon M. Hussey, Diana J. English dan Howard Dubowitz. (2011). Early Adolescent Risk Behavior Outcomes of Childhood Externalizing Behavioral Trajectories *The Journal of Early Adolescence* 31: 234
- Rosaidi Tajuddin.(2008). *Penyalahgunaan dadah di kalangan remaja dari sudut psikologi*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ryckman, R. (2004). *Theories of Personality*. Belmont, CA: Thomson/Wadsworth.
- Saedah A. Ghani, Zainah Ahmad Zamani, Roseliza Murni Ab. Rahman, Arifin Hj. Zainal dan Wan Shahrazad Wan Sulaiman. (2008). Family Functioning and

- Its Relation with Self-Esteem Among Drug Addicts. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*.
- Scheier, L.; Botvin, G.; Diaz, T.; and Griffin, K. (1999). Social skills, competence, and drug refusal efficacy as predictors of adolescent alcohol use. *Journal of Drug Education* 29(3): 251–278.
- Severson, H., dan James, L. (2002). Prevention and early interventions for addictive behaviors: Health promotion in the schools. In M. R. Shinn, H. M. Walker, dan G. Stoner. (Eds.) *Interventions for academic and behavior problems II: Preventive and remedial approaches*. (pp. 681-702). Bethesda, MD: National Association of School Psychologist.
- Sharifah, A. A. (1984). *Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Sonja V. Batten dan Steven C. Hayes. (2005). Acceptance and Commitment Therapy in the Treatment of Comorbid Substance Abuse and Post-Traumatic Stress Disorder : A Case Study. *Clinical Case Studies* 2005 4: 246
- Spoth, R.L.; Redmond, D.; Trudeau, L.; and Shin, C. (2002). Longitudinal substance initiation outcomes for a universal preventive intervention combining family and school programs. *Psychology of Addictive Behaviors* 16(2):129–134.
- Thomas M. Allen dan Celia C. Lo. (2010). Religiosity, Spirituality, and Substance Abuse *Journal of Drug Issues* 40: 433.
- Wan Rafaei Abdul Rahman, Mariam Adawiah Dzulkifli, Shariffah Rahah Sheik Dawood, dan Mardiana Mohamad. (2009). Social Support Among Malay, Chinese, and Indian Drug Addicts in Malaysia. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*.
- Wan Su Haron. (2008). Hubungan Personaliti, Kemahiran Sosial, Kebimbangan dan Rakan Sebaya dengan Tingkah Laku Devian di Kalangan Pelajar Universiti. (*Unpublished*)
- Webster-Stratton, C. (1998). Preventing conduct problems in Head Start children: Strengthening parenting competencies. *Journal of Consulting and Clinical Psychology* 66:715–730.

Webster-Stratton, C.; Reid, J.; dan Hammond, M. (2001). Preventing conduct problems, promoting social competence: A parent and teacher training partnership in Head Start. *Journal of Clinical Child Psychology* 30:282–302.

Werry, J. S. (1986). Organic and Substance Use Disorder. In H. C. Quay, dan J. S. Werry (Eds.). *Psychopathological disorders of childhood*. (3rd. ed., pp. 211-230). New York: Wiley

Woicik Patrick, dan Pili, Roberto. (2009). The substance use risk protect scale. A scale measuring Trait to reinforcement specific substance use profiles. *Journal of Addiction Behavior*. Vol 134. Issue 12.

World Health Organization (1992). *The ICD-10 Classification of Mental and Behavioural Disorders*. Geneva: WHO.

Yahya Don, Yaakob Daud, Muhammad Dzahir Kasa, Fo‘ad Sakdan, Jamalluddin Mustafa dan Za‘im Ahmad. (2009). Gang Rempit Dan Penyalahgunaan Dadah: Pengaruhnya Dari Aspek Psikososial Dan Institusi Pendidikan. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*.

Yuseri Ahmad, Sapora Sipon, dan Marina Munira Abdul Mutalib. (2007). Peranan Kerohanian Dalam Menangani Gejala Dadah. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*.

Zamboanga, B.L., Carlo, G., & Raffaelli, M. (2004). Problem Behavior Theory: An Examination of the Behavior Structure System in Latino and non-Latino College Students. *Interamerican Journal of Psychology*, 32(2), 253-262.

<http://www.adk.gov.my>

<http://www.unodc.org/unodc/en/data-and-analysis/WDR-2011.html>

<http://www.statistics.gov.my/>

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0225&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm#ixzz2Tr64JF1z

http://www.prn.usm.my/bulletin_articles_kosmik.php?Id=51

http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Wanita_keldai_8217_dadah/Article/